

PENYIMPANAN DNA PESALAH KANAK-KANAK DI MALAYSIA: KESANNYA TERHADAP HAK ASASI KANAK-KANAK

*(DNA Retention of Child Offenders in Malaysia: Implications on
the Basic Rights of Children)*

Mohd. Munzil Muhamad
mohdmunzil@ukm.edu.my

Nurul Hidayat Ab. Rahman
nhidayat@ukm.edu.my

Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abstrak

Sejarah penubuhan bank data Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) telah menunjukkan bahawa penggunaan keterangan DNA menjadi sangat penting di kebanyakan negara, termasuk Malaysia kerana telah banyak membantu proses keadilan jenayah, iaitu sebagai alat mencegah dan menyelesaikan kes jenayah. Makalah ini membincangkan isu berkaitan dengan penyimpanan DNA di dalam Bank Data DNA Forensik Malaysia dengan memfokuskan hak privasi, jenis kesalahan dan tempoh masa penyimpanan DNA pesalah kanak-kanak dalam konteks negara Malaysia. Hasil kajian mendapati penyimpanan DNA kanak-kanak tanpa had masa bertentangan dengan prinsip “Kepentingan Terbaik Kanak-kanak” dalam Perkara 3 Konvensyen Hak Kanak-kanak atau *Convention on the Rights of Child* (CRC) kerana mencabuli hak asasi kanak-kanak.

Kata kunci: Akta Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2009, penyimpanan DNA, jenayah, privasi, kanak-kanak

Abstract

The use of DNA evidence has facilitated the criminal justice process, as a tool for the purpose of preventing and solving crimes. The history of the establishment of the DNA data bank has shown the use of DNA evidence

to be very significant in most countries, including Malaysia. This article will discuss the issues relating to the retention of DNA in the Malaysian Forensic DNA data bank by focusing on the aspects of privacy rights, type of offence, and the time limit for storage of child offenders' DNA in the context of Malaysian law. Apart from that, the study shows that the retention of child offenders' DNA without a time limit is against the principle "in the best interest of the child" Article 3 of the Convention on the Rights of the Child (CRC), as it undermines the child's basic rights.

Keywords: Deoxyribonucleic Acid (DNA) Identification Act of 2009, DNA retention, crime, privacy, child

PENDAHULUAN

Perkembangan penggunaan keterangan DNA yang bermula kira-kira tiga dekad lalu telah mencetuskan suatu revolusi terhadap proses keadilan jenayah. Terdapat beberapa sebab mengapa keterangan DNA dianggap sedemikian. Pertamanya, teknik dan teknologi yang digunakan untuk menganalisis DNA telah diiktiraf oleh ahli sains sebagai teknik yang paling dipercayai dalam sains forensik sehingga diberikan gelaran sebagai "gold standard".¹ Keduanya, disebabkan keupayaan dan kepelbagaian penggunaannya yang boleh digunakan dalam proses keadilan jenayah. Keterangan DNA bukan sahaja boleh digunakan oleh pihak pendakwa bagi tujuan untuk mensabitkan tertuduh di mahkamah, malah keterangan DNA juga boleh digunakan oleh peguambela orang yang kena tuduh untuk menimbulkan keraguan yang munasabah dan melepaskan individu yang telah disabitkan akibat kesilapan mahkamah.²

Selain itu, penggunaan bukti, khususnya melalui penggunaan bank data DNA mampu menjadi alat pencegah jenayah³ dan untuk

- 1 Michael Lynch, "God's Signature: DNA Profiling, The New Gold Standard in Forensic Science" dlm. *Endeavour* 27:2, hlm. 96, 2003.
- 2 Ron C., Michaelis, Robert G. Flanders, Jr. dan Paula H. Wulff, 2008. *A Litigator's Guide to DNA: From the Laboratory to the Courtroom*. Burlington, Massachusetts: Academic Press.
- 3 Jennifer L., Doleac, 2011. "The Effects of DNA Databases on Crime". Stanford Institute for Economic Policy Research. Kertas kerja No. 12-002. Stanford University, November 2011.

menyelesaikan kes yang gagal diselesaikan oleh pihak berkuasa akibat ketiadaan bukti yang kukuh untuk mengesan suspek yang bertanggungjawab melakukan jenayah tersebut.⁴ Walau bagaimanapun, makalah ini hanya membincangkan isu berkaitan dengan penyimpanan DNA di dalam Bank Data DNA dan Forensik Malaysia dengan memfokuskan penyimpanan DNA pesalah kanak-kanak dalam konteks negara Malaysia.

SEJARAH DAN PERKEMBANGAN PENUBUHAN BANK DATA DNA

Sebelum kewujudan undang-undang yang membolehkan pihak berkuasa mengumpul dan menyimpan DNA individu, sampel DNA hanya dikutip apabila berlakunya sesuatu kes jenayah. Sekiranya tiada suspek dalam sesuatu kes yang disiasat, tetapi pihak berkuasa menemui bukti di tempat kejadian yang boleh mengaitkan pelaku jenayah tersebut, pihak berkuasa biasanya akan meminta orang awam untuk tampil menyerahkan sampel DNA mereka untuk dianalisis.⁵ Walaupun kaedah ini telah terbukti berkesan untuk menyelesaikan kes jenayah, namun kaedah ini tidak efektif kerana bergantung pada kerjasama yang diberikan oleh orang awam kerana pihak berkuasa tidak boleh memaksa seseorang untuk menyerahkan sampel DNA tanpa mendapat persetujuan individu tersebut terlebih dahulu.

Bertitik tolak daripada permasalahan tersebut, pihak berkuasa memerlukan suatu undang-undang yang jelas yang bukan sahaja memberikan kuasa kepada mereka untuk memaksa seseorang menyerahkan sampel DNA, malah menyimpan maklumat yang diperoleh hasil daripada analisis DNA yang dibuat terhadap sampel tersebut. United Kingdom merupakan negara pertama yang mempunyai undang-undang sedemikian, dan juga merupakan negara pertama yang telah menubuhkan bank data DNA, iaitu pada tahun

- 4 Andrei Semikhodskii, 2007. *Dealing with DNA Evidence: A Legal Guide*. Abingdon, United Kingdom: Routledge-Cavendish.
- 5 Heldon Krimsky dan Tania Simoncelli, 2011. *Genetic Justice: DNA Data Banks, Criminal Investigations and Civil Liberties*. New York: Columbia University Press.

1995, iaitu United Kingdom's National DNA Database atau dikenali sebagai NDNAD.⁶ Sehingga tahun 2011 terdapat kira-kira 56 negara yang telah menubuhkan bank data DNA, dan jumlah ini dijangka akan terus meningkat kerana banyak negara sedang dalam perancangan untuk mewujudkan bank data DNA di negara masing-masing.⁷

Skop Penyimpanan Bank Data DNA

Pada awal penubuhan bank data DNA, skop penyimpanannya tertumpu pada penyimpanan profil DNA pesalah yang melakukan kesalahan jenayah yang dianggap serius atau berat sahaja. Sebagai contoh, semasa National DNA Index System diwujudkan di Amerika Syarikat pada tahun 1998, bank datanya hanya menyimpan sampel dan profil DNA pesalah yang melakukan jenayah feloni atau jenayah feloni seksual sahaja.

Pada masa ini, skop penyimpanan bank data DNA semakin diperluas di kebanyakan negara sehingga turut meliputi penyimpanan sampel dan profil DNA suspek jenayah yang belum disabitkan oleh mahkamah. Selain itu, kebanyakan negara seperti England, Wales, Australia, New Zealand dan Canada juga turut menyimpan sampel dan profil DNA pesalah kanak-kanak. Namun, negara tersebut telah menetapkan undang-undang bahawa sampel dan profil DNA pesalah kanak-kanak hanya boleh diambil dan disimpan bagi kesalahan tertentu sahaja.⁸ Dengan kata lain, sampel dan profil DNA tidak diambil daripada semua pesalah kanak-kanak.

6 Parliamentary Office of Science and Technology, 2006. "The National DNA Database". United Kingdom: Parliament of the United Kingdom.

7 Andrew D., Thibedeau, 2011. *National Forensic DNA Databases-Council for Responsible Genetics*. Cambridge, Massachusetts.

8 Liz Campbell dan Nessa Lynch, "Competing Paradigms the Use of DNA Powers in Youth Justice" dlm. *Youth Justice* 12:1, hlm. 3-18, 2012.

BANK DATA DNA FORENSIK MALAYSIA

Sejarah Penubuhan

Sebelum tahun 2012, tiada sebarang peruntukan undang-undang di Malaysia yang memberikan kuasa kepada pihak berkuasa untuk mengambil sampel badan atau sampel DNA daripada seseorang. Langkah ini hanya bermula sekitar awal tahun 2000 apabila pihak kerajaan telah menubuhkan beberapa jawatankuasa yang melibatkan beberapa agensi kerajaan untuk mengkaji penggubalan akta sedemikian.⁹ Pada bulan April 2001, Kabinet telah membuat keputusan untuk menyediakan satu rang undang-undang untuk dibawa ke parlimen, namun draf awal rang undang-undang tersebut hanya dihantar ke Pejabat Peguam Negara Malaysia pada tahun 2005.

Rang undang-undang Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008 telah dibentangkan di Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama pada 18 Ogos 2008.¹⁰ Rang undang-undang ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 23 Jun 2009 dan secara rasmi dikenali sebagai Akta Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2009 (Akta 699).¹¹ Penggubalan Akta 699 ini juga telah secara rasminya turut mewujudkan Bank Data DNA Forensik Malaysia. Peruntukan Bahagian II akta ini telah memperincikan penubuhan bank data DNA, termasuk menerangkan objektif penubuhannya dan fungsinya. Walau bagaimanapun, akta ini hanya mula berkuat kuasa pada 1 September 2012 dan tarikh tersebut merupakan tarikh rasmi penubuhan bank data DNA di Malaysia.

9 Malaysia. Perbahasan Dewan Rakyat, Bacaan Kedua dan Ketiga, 28 Ogos 2008, hlm. 72 dan 86 (Dato' Seri Syed Hamid Albar).

10 Malaysia. Perbahasan Dewan Rakyat, Bacaan Pertama, 18 Ogos 2008, hlm. 26 (Dato' Seri Syed Hamid Albar).

11 Malaysia. Perbahasan Dewan Rakyat, Jawatankuasa, 23 Jun 2009, hlm. 89 (Datuk Ronald Kiandee).

Skop Penyimpanan DNA

Skop penyimpanan Bank Data DNA Forensik Malaysia boleh dilihat melalui peruntukan seksyen 3 (3) Akta 699. Bank data DNA ini menyimpan profil DNA yang terdiri daripada beberapa indeks, iaitu (1) Indeks Tempat Kejadian Jenayah; (2) Indeks Orang yang Disyaki; (3) Indeks Pesalah yang Disabitkan; (4) Indeks Orang Tahanan; (5) Indeks Penagih; (6) Indeks Orang yang Hilang; dan (7) Indeks Sukarela.

Jika dilihat kepada senarai indeks yang disimpan di dalam Bank Data DNA Forensik Malaysia, tiada sebarang peruntukan yang jelas menunjukkan bahawa bank data ini turut menyimpan profil DNA kanak-kanak. Walau bagaimanapun, jika merujuk penyata rasmi di Dewan Rakyat semasa rang undang-undang ini dibahaskan pada bacaan kali kedua, jelas menunjukkan bahawa pihak legislatif turut berhasrat untuk menyimpan profil DNA kanak-kanak. Hasrat ini dizahirkan melalui ucapan perbahasan Menteri Dalam Negeri yang telah menyatakan bahawa bank data DNA tersebut akan turut menyimpan profil DNA yang diambil daripada pesalah juvana.¹²

DEFINISI PESALAH KANAK-KANAK MENURUT PERUNDANGAN MALAYSIA

Menurut definisi yang dinyatakan dalam seksyen 2 Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611), seorang kanak-kanak merujuk individu yang berumur di bawah 18 tahun, dan dalam konteks prosiding jenayah merujuk individu yang telah mencapai tahap umur kebertanggungjawaban jenayah seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 82 Kanun Keseksaan (Akta 574). Menurut peruntukan seksyen 82 Kanun Keseksaan, tahap umur kebertanggungjawaban jenayah adalah pada umur 10 tahun ke atas, dan perbuatan jenayah seseorang kanak-kanak yang berumur di bawah 10 tahun tidak akan menjadi kesalahan.

12 Malaysia. Perbahasan Dewan Rakyat, Bacaan Kedua dan Ketiga, 28 Ogos 2008, hlm. 72 dan 86 (Dato' Seri Syed Hamid Albar).

Seseorang kanak-kanak yang didakwa di bawah sebarang kesalahan jenayah, kecuali jenayah yang membawa hukuman mati, pendakwaan dan perbicaraan kes tersebut perlu dijalankan di Mahkamah Kanak-kanak seperti yang dijelaskan oleh seksyen 11 (5) Akta 611. Seksyen 83 (4) akta yang sama juga menyatakan bahawa kanak-kanak yang dituduh bersama-sama seorang dewasa akan didengar di mahkamah, selain Mahkamah Kanak-kanak. Namun, mahkamah tersebut hendaklah mengambil kira kuasa yang dibenarkan menurut Akta 611 dan laporan akhlak kanak-kanak tersebut. Sekiranya pertuduhan terhadap kanak-kanak itu dijalankan selepas umurnya 18 tahun, mahkamah akan menjalankan kuasa yang tertera dalam seksyen 82, Akta 611 sahaja, iaitu ditahan di Sekolah Henry Gurney, diberikan amaran sebelum dilepaskan, menyempurnakan bon berkelakuan baik, diletakkan di bawah pemeliharaan saudara atau orang yang sesuai, membayar kos, pampasan atau denda dan jika lelaki disebat dengan rotan yang ringan tidak melebihi 10 kali menurut syarat dalam seksyen 91 (1)g Akta 611. Mahkamah juga boleh memenjarakan pesalah kanak-kanak mengikut tempoh yang dijatuhkan oleh mahkamah seksyen sekiranya hukuman bagi kesalahan tersebut ialah penjara.

ISU BERKAITAN DENGAN PENYIMPANAN DNA PESALAH KANAK-KANAK DI MALAYSIA

Penubuhan Bank Data DNA Forensik Malaysia merupakan suatu perkembangan yang baik kepada sistem keadilan jenayah di Malaysia kerana dapat meningkatkan keupayaan pihak berkuasa untuk membanteras dan menyelesaikan kes jenayah yang semakin berleluasa pada masa ini. Pengambilan dan penyimpanan DNA ini selaras dengan artikel 5(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa kebebasan diri seseorang hanya boleh dilucutkan mengikut undang-undang. Namun, terdapat beberapa isu yang berbangkit, kesan penyimpanan profil DNA kanak-kanak di dalam bank data tersebut yang diputuskan oleh pihak legislatif yang menggubal undang-undang tersebut.

Hak Privasi

Salah satu isu besar yang menjadi perdebatan tentang kewujudan bank data DNA ialah kesannya kepada hak privasi individu. Keterangan DNA merupakan bahan yang diperoleh dalam badan manusia yang menentukan baka dan keturunan bagi setiap individu.¹³ Sebagai contoh, profil DNA seseorang yang diwarisi daripada ibu bapanya (separuh daripada bapa, manakala separuh lagi daripada ibu). Kajian juga menunjukkan bahawa sebahagian besar profil DNA adik-beradik hampir sama, manakala profil DNA saudara-mara yang lain seperti bapa saudara, sepupu, datuk dan nenek biasanya 25 peratus sama antara satu dengan yang lain.¹⁴ Oleh itu, sekiranya DNA seseorang kanak-kanak disimpan di dalam bank data DNA, maklumat genetik keseluruhan susur galur keluarganya juga dapat dikenal pasti. Tambahan pula, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa maklumat daripada profil DNA yang biasanya digunakan dalam siasatan kes jenayah juga berkait rapat dan mampu mendedahkan maklumat kesihatan seseorang seperti kecenderungan untuk mendapat penyakit kencing manis, dan sebagainya.¹⁵ Dari sudut etika dan perundangan dalam bidang perubatan, maklumat sensitif seperti ini biasanya tidak boleh didedahkan melainkan dengan persetujuan individu terbabit.

Jenis kesalahan yang Menyebabkan Penyimpanan DNA Pesalah Kanak-Kanak

Peruntukan seksyen 3(3) (c) Akta 699 menjelaskan bahawa:

- 13 Mohd. Munzil Muhamad, 2016. "Mengapakah Analisa DNA Amat Berguna dalam Sistem Perundangan?". <https://asklegal.my/p/mengapakah-analisa-dna-amat-berguna-di-dalam-sistem-perundangan> (Capaian pada 12 Januari 2016).
- 14 Candice Roman-Santos, "Concerns Associated with Expanding DNA Databases" dlm. *Hastings Science and Technology Law Journal* 2:2, hlm. 290-91, 2010.
- 15 Robin Williams, Paul Johnson dan Paul Martin, 2004. "Genetic Information and Crime Investigation: Social, Ethical and Public Policy Aspects of the Establishment, Expansion and Police Use of the National DNA Database". School of Applied Social Sciences, University of Durham.

(3) Bank Data DNA hendaklah terdiri daripada indeks yang berikut:

(c) indeks pesalah yang disabitkan yang hendaklah mengandungi profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya yang diperoleh daripada sampel intim atau sampel bukan intim yang diambil daripada orang yang disabitkan dengan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

Manakala seksyen 2 Akta yang sama menjelaskan bahawa:

“kesalahan” ertinya apa-apa perbuatan atau peninggalan yang boleh dihukum oleh mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa.

Jika diteliti kedua-dua peruntukan tersebut, skop kesalahan yang boleh menyebabkan DNA kanak-kanak disimpan di dalam Bank Data DNA Forensik Malaysia terlalu luas, iaitu “apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis ...”. Oleh itu, secara teorinya, DNA kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah ringan dan tidak terlalu serius juga turut disimpan di dalam bank data tersebut. Skop kesalahan ini terlalu luas jika dibandingkan dengan negara lain. Sebagai contoh, bank data DNA di New Zealand hanya menyimpan DNA pesalah kanak-kanak yang telah melakukan kesalahan yang boleh dijatuhi hukuman penjara atau mana-mana kesalahan lain yang disenaraikan di bawah bahagian 3, jadual yang terkandung dalam Criminal Investigations (Bodily Samples) Act 1995. Di Australia pula, penyimpanan DNA kanak-kanak yang disimpan hanya melibatkan mereka yang telah melakukan kesalahan serius yang boleh dijatuhi hukuman maksimum penjara seumur hidup, atau lima tahun atau lebih.¹⁶

Tempoh Masa Penyimpanan DNA Pesalah Kanak-kanak

Mengikut amalan biasa di negara lain, DNA bagi pesalah dewasa yang telah disabitkan oleh mahkamah akan disimpan di dalam

¹⁶ Seksyen 23A, Crimes Act 1914 (Commonwealth of Australia).

bank data DNA untuk selama-lamanya.¹⁷ Penyimpanan DNA mereka untuk selama-lamanya tidak dianggap sebagai suatu pelanggaran hak asasi, khususnya hak privasi kerana pesalah yang telah disabitkan oleh mahkamah dianggap telah hilang hak untuk menikmati hak tersebut.¹⁸ Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan amalannya apabila melibatkan penyimpanan DNA pesalah kanak-kanak. Kebiasaannya, tempoh masa penyimpanan DNA kanak-kanak di negara lain bergantung pada beberapa faktor seperti jenis kesalahan yang dilakukan, hukuman yang dikenakan oleh mahkamah dan pesalah yang sama.

Sebagai contoh, di England dan Wales, DNA pesalah kanak-kanak hanya akan disimpan selama-lamanya sekiranya seorang kanak-kanak itu berumur di bawah 18 tahun, melakukan kesalahan yang tergolong di bawah “qualifying offence” yang merujuk kesalahan berat atau serius, atau dihukum penjara selama lima tahun ke atas atau melakukan kesalahan kecil buat kali kedua. Sekiranya kanak-kanak tersebut dihukum penjara kurang daripada lima tahun, DNA mereka akan disimpan sepanjang tempoh hukuman dijalankan dan ditambah dengan lima tahun lagi selepas hukuman berakhir. Sekiranya pesalah kanak-kanak itu tidak dijatuhi hukuman penjara, DNA mereka akan disimpan selama lima tahun dari tarikh sampel DNA mereka diambil.¹⁹

Jika merujuk Akta 699, tiada peruntukan yang menjelaskan tempoh masa penyimpinan DNA sama ada bagi pesalah dewasa atau pesalah kanak-kanak. Oleh itu, timbul persoalan sama ada pihak kerajaan berhasrat untuk menyimpan DNA mereka selama-selamanya ataupun tidak. Bagi pesalah dewasa, penyimpanan DNA mereka untuk selama-selamanya tidak menjadi isu kerana tindakan tersebut telah menjadi amalan biasa di negara lain. Namun,

17 t.n., 2013. “Protection of Freedoms Act 2012: How DNA and Fingerprint Evidence is Protected in Law”. Kertas polisi. OV.UK <www.gov.uk> (Capaian pada 4 April 2013).

18 Tania Simoncelli, “Dangerous Excursions: The Case Against Expanding Forensic DNA Databases to Innocent Persons” dlm. *Journal of Law, Medicine and Ethics* 34:2, hlm. 391, 2006.

19 Seksyen 5 dan seksyen 7 Protection of Freedoms Act 2012 (United Kingdom).

pesalah kanak-kanak sepatutnya tidak boleh dilayan sama seperti pesalah dewasa kerana tidak menepati piawaian antarabangsa untuk menyimpan DNA mereka selama-lamanya bagi semua bentuk kesalahan yang dilakukan. Sepatutnya, semasa penggubalan Akta 699, perkara ini haruslah diambil kira oleh pasukan penggubal yang terdiri daripada ahli parlimen, senat dan juga mereka yang arif dan pakar dalam perihal kanak-kanak. Malangnya, isu yang sepenting ini telah terlepas pandang oleh semua pihak.

IMPLIKASI KELOMPANGAN AKTA 699 DARI SUDUT PERUNDANGAN ANTARABANGSA

Hak asasi kanak-kanak sejagat telah diperuntukkan dalam beberapa triti atau instrumen antarabangsa. Antaranya termasuklah hak kanak-kanak dalam Konvensyen Hak Kanak-kanak atau lebih dikenali sebagai Convention on the Rights of Child (CRC) pada peringkat antarabangsa. Konvensyen ini telah diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mulai 20 November 1989. Malaysia merupakan salah sebuah negara yang telah mengesahkan konvensyen ini pada Februari 1995. Malaysia telah menerima pakai kesemua perkara dalam konvensyen ini, kecuali perkara 2, 7, 14, 28(1)(a) dan 37 yang bertentangan dengan undang-undang, polisi, agama dan juga amalan masyarakat di negara ini.²⁰ Secara amnya, CRC memainkan peranan usaha memperuntukkan prinsip bagi menjaga dan melindungi hak kanak-kanak sejagat dari segi undang-undang sebelum dan juga selepas lahir. Merujuk mukadimah konvensyen ini, antara hak utama yang dilindungi oleh CRC termasuklah hak untuk hidup, hak memperoleh perlindungan, hak berkembang dan juga hak penyertaan.

Hak kanak-kanak berkait rapat dengan umur mereka seperti yang banyak digariskan oleh undang-undang antarabangsa. Konvensyen ini mendefinisikan “kanak-kanak” dalam perkara 1 sebagai seseorang yang berumur 18 tahun ke bawah dan tertakluk pada undang-undang

20 Portal rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2013. Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak. http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=konvensyen_mengenai_hak_kanak-kanak&lang=bm (Capaian pada 5 Mei 2016).

tertentu yang mengiktiraf umur dewasanya sebelum itu. Kenyataan ini selari dengan definisi kanak-kanak di Malaysia yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001.

Isu penyimpanan DNA secara kekal dalam apa-apa jua jenis kesalahan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak dianggap tidak sesuai dan tidak relevan kerana pesalah dewasa dan kanak-kanak dibezakan berdasarkan komponen umur. Kedua-dua kategori pesalah ini dibandingkan dengan jelas dalam peruntukan Kanun Keseksaan di Malaysia.²¹ Selain itu, statut yang ada di Malaysia seperti Akta Kanak-kanak 2001 dan Akta Kontrak 1950 juga mengasingkan individu dewasa dan kanak-kanak dengan mengambil kira faktor kematangan usia, serta kebolehan berfikir dan membuat keputusan. Selain itu, terdapat perbezaan dalam prosedur dan keterangan di mahkamah, terma yang digunakan dan juga bentuk hukuman kepada pesalah kanak-kanak di bawah Akta Kanak-kanak dan Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007. Kesemua aspek perundangan yang melibatkan kanak-kanak akan dijalankan menggunakan kaedah tersendiri yang ternyata berbeza daripada pesalah dewasa. Oleh sebab itu, perkara yang berkaitan dengan penyimpanan DNA pesalah dewasa dan kanak-kanak wajar dibezakan perinciannya supaya seimbang.

Walaupun CRC tidak menyebut tentang penyimpanan DNA kanak-kanak secara langsung, namun tumpuan mestilah diberikan kepada prinsip “Kepentingan Terbaik Kanak-kanak” yang dinyatakan dalam perkara 3 CRC. Berdasarkan peruntukan ini, semua institusi awam dan swasta, termasuk badan perundangan hendaklah dalam menjalankan apa-apa tindakan menjadikan “Kepentingan Terbaik Kanak-kanak” itu sebagai pertimbangan utama. Selanjutnya, menurut perkara 4 CRC, Malaysia sebagai negara parti konvensyen ini juga tertakluk pada tanggungjawab untuk melakukan segala yang termampu bagi melaksanakan hak yang terkandung dalam konvensyen ini.

CRC tidak memberikan sebarang definisi yang tepat tentang maksud prinsip ini tetapi hanya menyatakan bahawa prinsip ini merupakan faktor penentu yang mesti dilaksanakan secara konsisten

21 Anita Abdul Rahim, 2012. *Jenayah Kanak-kanak dan Undang-undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

dan bersepadu dalam setiap tindakan yang diambil. Oleh sebab itu, prinsip ini ditafsirkan secara meluas merangkumi pelbagai aspek seperti undang-undang, dasar, pentadbiran dan keputusan kehakiman bagi memberikan kesejahteraan yang maksimum dan optimum hidup kanak-kanak. Prinsip ini secara umumnya memerlukan sesuatu keputusan yang berkaitan dengan hak kanak-kanak yang mengambil kira perlindungan kanak-kanak dari segi fizikal, mental, sosial dan moral.

Dalam usaha menyempurnakan komitmen terhadap CRC, Malaysia telah mewujudkan Dasar Kanak-kanak Negara²² dan Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara.²³ Dasar Kanak-kanak Negara merupakan satu dasar yang melindungi hak kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak supaya mereka dapat menikmati peluang dan juga ruang persekitaran yang kondusif untuk mencapai perkembangan yang holistik. Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara pula merupakan satu dasar yang meliputi prinsip perlindungan kanak-kanak yang selaras dengan kandungan CRC dan Akta Kanak-kanak 2001. Antara lain, dasar ini memberikan tumpuan pada pelbagai aspek seperti advokasi, pencegahan, khidmat sokongan, serta penyelidikan dan pembangunan bagi melindungi kanak-kanak. Kedua-dua dasar ini menekankan agar sesuatu tindakan dan keputusan hendaklah mengutamakan prinsip “Kepentingan Terbaik Kanak-kanak”.

Dalam konteks menjatuhkan hukuman terhadap kanak-kanak, pelbagai faktor mestilah diambil kira dan antaranya termasuklah kematangan pesalah kanak-kanak.²⁴ Meskipun, isu penyimpanan DNA kanak-kanak bukan suatu bentuk hukuman, tetapi secara tidak langsung memberikan kesan yang sangat besar kepada pesalah

22 Portal rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2013. Dasar Kanak-kanak Negara. <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?id=VEliZUhrbWc2VC9wM3hEVWxTWVVFdz09&r=portal/left> (Capaian pada 8 November 2016).

23 Portal rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2013. Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara. <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=TIFwUVczN0RLQ3VIRDFqRTFmVENuZz09> (Capaian pada 8 November 2016).

24 Hoge, Robert D., 2001. *The Juvenile Offender, Theory, Research and Applications*. United States of America: Kluwer Academic Publishers.

kanak-kanak kerana terpaksa menanggung akibatnya seumur hidup. Tambahan pula, penyimpanan DNA kanak-kanak tanpa had masa dan tanpa mengira jenis kesalahan bertentangan dengan prinsip “Kepentingan Terbaik Kanak-Kanak” dalam perkara 3 CRC. Penyimpanan DNA mereka tanpa had masa seolah-olah sebagai suatu bentuk pembalasan yang dikhuatiri menghalang pesalah kanak-kanak untuk kembali kepada masyarakat. Keadaan ini bukan sahaja merencatkan usaha dan keyakinan mereka, malahan mengganggu emosi kanak-kanak tersebut. Kehidupan mereka akan sentiasa dibayangi oleh kesalahan lampau kerana rekod genetiknya disimpan rapi. Penyimpanan DNA pesalah kanak-kanak untuk tempoh selamalamanya boleh dibaratkan sebagai suatu label atau ancaman sehingga perlu diletakkan dibawah “radar kawalan” pihak berkuasa.

Sebagai masyarakat Malaysia yang prihatin dan komited untuk melindungi kanak-kanak, pihak kerajaan hendaklah memandang lebih jauh ke hadapan dan memikirkan soal masa hadapan mereka tanpa dibelenggu oleh rekod kesalahan lampau seperti yang diuar-uarkan dalam triti antarabangsa dan juga undang-undang negara, iaitu memelihara hak perlindungan dan perkembangan kanak-kanak. Walaupun kanak-kanak ini pernah tersalah membuat pertimbangan dan keputusan, sehingga melakukan jenayah, undang-undang yang dikuatkuasakan seharusnya memberikan ruang kepada mereka untuk berubah dan meneruskan kehidupan dengan cara menghapuskan kesalahan mereka dalam mana-mana pangkalan data sesuai dengan tuntutan CRC.

Selain itu, Malaysia sebagai salah sebuah negara parti mestilah mengiktiraf hak sedia ada kanak-kanak untuk hidup dan menyediakan medium terbaik untuk perkembangan kanak-kanak dari segi material dan spriritual bagi meneruskan kelangsungan hidup yang semaksimum mungkin atau hak dalam kehidupan seperti yang dinyatakan dalam Perkara 6 CRC. Bagi mendapatkan kesejahteraan hidup, konvensyen ini turut menjaga hak kanak-kanak yang perlu dilayan tanpa diskriminasi, hak sosioekonomi, hak terhadap pendidikan, serta perlindungan daripada eksploitasi, pengabaian dan kekejaman.²⁵

25 Anita Abdul Rahim, 2012. *Jenayah Kanak-kanak dan Undang-undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

KESIMPULAN

Kanak-kanak mempunyai kematangan akal dan kemahiran berfikir secara rasional yang berbeza daripada pesalah dewasa. Mereka tidak berupaya membuat keputusan yang munasabah, serta menimbangkan pelbagai faktor, kesan dan juga tekanan. Berkemungkinan besar faktor sekeliling mendesak kanak-kanak tersebut melakukan jenayah dan terpaksa menanggung risikonya seumur hidup.²⁶ Oleh itu, kajian mendapati penyimpanan DNA kanak-kanak tanpa had masa dan tidak membezakan antara kesalahan berat dengan kesalahan ringan akan membantutkan perkembangan kanak-kanak tersebut dari pelbagai aspek kerana lumpuhnya aspek spiritual akibat tekanan yang dialami. Penyimpanan DNA pesalah kanak-kanak tanpa pencerakinan aspek penting seperti tempoh masa dan jenis kesalahan menunjukkan kegagalan penggubalan undang-undang yang baik dan mampu melindungi kepentingan kanak-kanak.

Secara keseluruhannya, penggunaan keterangan DNA sangat berguna pada masa ini kerana dapat membantu proses keadilan jenayah dilaksanakan dengan lebih cepat dan tepat. Namun, penyimpanan DNA pesalah kanak-kanak di dalam bank data DNA hendaklah mengambil kira kepentingan kanak-kanak kerana penyimpanannya akan meninggalkan kesan yang mendalam dan membelenggu kehidupan kanak-kanak tersebut seumur hidup, serta menyentuh isu hak individu. Oleh sebab itu, pihak berkuasa hendaklah lebih peka dan mengambil kira kepentingan pemilik DNA dalam usaha mewujudkan polisi dan garis panduan demi memastikan hak kanak-kanak tersebut terpelihara dan tidak diabaikan. Proses keadilan jenayah yang sedia ada mestilah diseimbangkan dengan hak pemilik DNA, terutamanya apabila melibatkan pesalah kanak-kanak.

Seperti yang diperuntukkan dalam Konvensyen Hak Kanak-kanak, penyimpanan DNA pesalah kanak-kanak mestilah dipelihara kepentingannya dan diberikan layanan yang berbeza daripada

26 Samuri, Mohd. al-Adib dan Noor Aziah Mohd. Awal, "Hukuman terhadap Pesalah Kanak-kanak di Malaysia: Pencegahan atau Pemulihan?" dlm. *Jurnal Undang-undang* 13, hlm. 35-54, 2009.

pesalah dewasa. Sekiranya Akta Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2009 (Akta 699) yang digubal oleh Kerajaan Malaysia tidak membezakan penyimpanan DNA pesalah kanak-kanak dengan DNA pesalah dewasa, tindakan tersebut boleh dianggap sebagai suatu bentuk “pelanggaran” hak asasi kanak-kanak di bawah CRC. Kajian yang mendalam untuk menentukan garis panduan dan polisi penyimpanan data DNA sangat diperlukan. Garis panduan atau polisi yang akan diwujudkan hendaklah menerapkan prinsip dalam perundangan antarabangsa yang menjaga dan memelihara hak asasi kanak-kanak. Pihak kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang serius untuk menilai semula dan meminda perundangan yang sedia ada dalam usaha mewujudkan sistem perundangan yang adil dan saksama.

RUJUKAN

- Akta Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2009 (Malaysia) (Akta 699).
- Akta Kanak-kanak 2001 (Malaysia) (Akta 611).
- Andrei Semikhodskii, 2007. *Dealing with DNA Evidence: A Legal Guide*. Abingdon, United Kingdom: Routledge-Cavendish.
- Andrew, D. Thibedeau, 2011. *National Forensic DNA Databases - Council for Responsible Genetics*. Cambridge, Massachusetts.
- Anita Abdul Rahim, 2012. *Jenayah Kanak-kanak dan Undang-undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Candice Roman-Santos, “Concerns Associated with Expanding DNA Databases” dlm. *Hastings Science and Technology Law Journal* 2:2, hlm. 267-300, 2010.
- Crimes Act 1914 (Commonwealth of Australia).
- Dasar Kanak-kanak Negara.
- Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara.
- Hoge, Robert, D., 2001. *The Juvenile Offender, Theory, Research and Applications*. United States of America: Kluwer Academic Publishers.
- Jennifer, L. Doleac, 2011. “The Effects of DNA Databases on Crime”. Stanford Institute for Economic Policy Research. Kertas kerja No. 12-002. Stanford University, November 2011.

- Kanun Keseksaan (Malaysia) (Akta 574).
Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak.
- Liz Campbell dan Nessa Lynch, 2012. "Competing Paradigms? The Use of DNA Powers in Youth Justice" dlm. *Youth Justice* 12:1, hlm. 3-18.
- Sheldon Krimsky dan Tania Simoncelli, 2011. *Genetic Justice: DNA Data Banks, Criminal Investigations and Civil Liberties*. New York: Columbia University Press.
- Parliamentary Office of Science and Technology, 2006. The National DNA Database. United Kingdom: Parliament of the United Kingdom.
- Protection of Freedoms Act 2012 (United Kingdom).
- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2013. Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak. http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=konvensyen_mengenai_hak_kanak-kanak&lang=bm (Capaian pada 5 Mei 2016).
- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2013. Dasar Kanak-kanak Negara. <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?id=VEliZUhrbWc2VC9wM3hEVWxTWVVFdz09&r=portal/left> [8 November 2016]
- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2013. Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara. <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=TIFwUVczN0RLQ3VIRDFqRTFmVENuZz09> (Capaian pada November 2016).
- Malaysia. Perbahasan Dewan Rakyat, Bacaan Pertama, 18 Ogos 2008, hlm. 26 (Dato' Seri Syed Hamid Albar).
- Malaysia. Perbahasan Dewan Rakyat, Bacaan Kedua dan Ketiga, 28 Ogos 2008, hlm. 72 dan 86 (Dato' Seri Syed Hamid Albar).
- Malaysia. Perbahasan Dewan Rakyat, Jawatankuasa, 23 Jun 2009, hlm. 89 (Datuk Ronald Kiandee).
- Michael Lynch "2003. God's Signature: DNA Profiling, The New Gold Standard in Forensic Science" dlm. *Endeavour* 27:2, hlm. 93-97.
- Mohd. Munzil Muhamad, 2016. "Mengapakah Analisa DNA Amat Berguna dalam Sistem Perundangan?". <https://asklegal.my/p/mengapakah-analisa-dna-amat-berguna-di-dalam-sistem-perundangan> (Capaian pada 12 Januari 2016).
- Robin Williams, Paul Johnson dan Paul Martin, 2004. "Genetic Information and Crime Investigation: Social, Ethical and Public Policy Aspects of the Establishment, Expansion and Police Use of the National DNA Database". School of Applied Social Sciences, University of Durham.
- Ron C. Michaelis, Robert G. Flanders, Jr. dan Paula H., Wulff, 2008. *A Litigator's Guide to DNA: From the Laboratory to the Courtroom*.

Burlington, Massachusetts: Academic Press.

Mohd. al-Adib Samuri dan Noor Aziah Mohd. Awal, “Hukuman terhadap Pesalah Kanak-kanak di Malaysia: Pencegahan atau Pemulihan?” dlm. *Jurnal Undang-undang* 13, hlm. 35-54, 2009.

Tania Simoncelli, “Dangerous Excursions: The Case Against Expanding Forensic DNA Databases to Innocent Persons” dlm. *Journal of Law, Medicine and Ethics* 34:2, hlm. 390-97, 2006.

t.n., 2013. Kertas Polisi. “Protection of Freedoms Act 2012: How DNA and Fingerprint Evidence is Protected in Law”. GOV.UK <www.gov.uk> (Capaian pada 4 April 2013).

Diperoleh (*Received*): 29 November 2016

Diterima (*Accepted*): 12 Disember 2016